

JENAYAH DAN MASALAH SOSIAL DI KALANGAN REMAJA: CABARAN DAN REALITI DUNIA SIBER

Mohd Dahlan A. Malek, PhD

Sekolah Psikologi & Kerja Sosial

Universiti Malaysia Sabah

Ida Shafinaz Mohamed Kamil, MA

Sekolah Perniagaan & Ekonomi

Universiti Malaysia Sabah

Abstrak

Dunia siber kini merupakan sebahagian daripada kehidupan manusia moden. Ia memainkan peranan penting dan banyak mengubah pelbagai aspek kehidupan manusia. Walaubagaimanapun, dunia siber bukan sahaja memberi kesan yang positif, malah boleh membawa kesan yang negatif kepada masyarakat terutamanya golongan remaja yang mudah terdedah kepada pelakuan jenayah. Kajian yang dijalankan oleh David S.Wall (2005) mendapat terdapat hubungan yang signifikan di antara penggunaan internet dengan jenayah yang berlaku dewasa ini. Antara perlakuan jenayah serta masalah sosial yang melibatkan remaja adalah seperti pornografi, penipuan, pelacuran, penyeludupan, peras ugut, pelaburan haram, aktiviti seks bebas, rogol, mencabul kehormatan, penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Kertas kerja ini meninjau penglibatan remaja dalam jenayah serta masalah sosial yang berkaitan dengan dunia siber ini samada sebagai pelaku maupun mangsa. Tiada jalan singkat bagi menangani masalah jenayah dan masalah sosial di kalangan remaja, melainkan memerlukan pembabitan semua pihak seperti keluarga, ahli masyarakat, pihak sekolah, pihak berkuasa, dan badan-badan kerajaan serta badan bukan kerajaan. Pendekatan psikologi dan pelaksanaan undang-undang juga boleh membantu dalam menangani permasalahan ini di samping program dan aktiviti yang telah dilaksanakan seperti mengadakan program Bina Insan, Remaja Sihat Tanpa Aids (Prostar) dan juga penubuhan kelab Pencegahan Jenayah di sekolah seluruh negara. Walau apapun program dan tindakan yang diambil, sokongan dan tanggungjawab bersama di kalangan ahli masyarakat amat perlu bagi menangani masalah ini.

Pengenalan

Kualiti hidup sosial merupakan isu yang penting dalam proses pembangunan sesebuah negara. Dalam proses pembangunan dan permodenan sesebuah negara beberapa isu sosial perlu diberi perhatian. Seiring dengan modenisasi dan pembangunan ekonomi

yang secara langsung meningkatkan taraf kehidupan setempat, timbul beberapa permasalahan baru seperti keruntuhan nilai kemanusiaan dan moral dikalangan ahli masyarakat terutamanya golongan remaja. Ledakan internet misalnya banyak menghasilkan siaran-siaran berunsur negatif yang mana sekiranya tidak dikawal akan menimbulkan masalah sosial di kalangan masyarakat. Kajian yang dijalankan oleh David S.Wall (2005) mendapat terdapat hubungan yang signifikan di antara penggunaan internet dengan masalah sosial yang berlaku dewasa ini. Kertas kerja ini meninjau penglibatan remaja dalam jenayah serta masalah sosial yang berkaitan dengan dunia siber ini samada sebagai pelaku ataupun mangsa, samada dikalangan masyarakat bandar maupun luar bandar.

Diantara jenayah sosial yang sering berlaku di bandar ialah seperti masalah memperdagangkan manusia, jenayah siber, penyalahgunaan dadah, ketagih alkohol, aktiviti seks bebas, kes buang bayi, lumba haram dan sebagainya, manakala jenayah yang sering berlaku dikalangan masyarakat luar bandar pula ialah seperti perlakuan sumbang mahram dan kes mencabul kehormatan yang berlaku di kalangan ahli keluarga, kes rogol, merompak, penyalahgunaan dadah, mat rempit dan juga pecah rumah.

Walaubagaimanapun kertas kerja ini ingin lebih memfokuskan kepada jenayah dan masalah sosial di kalangan remaja yang berkait dengan dunia siber. Ini adalah kerana jenayah di kalangan remaja hari ini lebih menjurus kepada jenayah yang terhasil daripada dunia siber. Persoalan ini merupakan satu cabaran kepada masyarakat kerana arus permodenan dan juga perkembangan semasa yang semakin maju dimana keupayaan Internet sebagai alat komunikasi mengatasi penggunaan alat-alat komunikasi yang lain seperti telefon, mesin fax dan sebagainya. Mesin atau bahan bercetak dan televisyen merupakan alat komunikasi yang utama dan telah berzaman memainkan peranan yang penting sebagai alat media untuk menyampaikan ilmu dan maklumat kepada ahli masyarakat. Namun, alat-alat media ini penyebaran maklumatnya adalah satu hala dan tidak interaktif seperti internet. Ini membolehkan pengawalan maklumat dilakukan secara berkesan. Malah kebanyakan negara mempunyai peruntukan undang-undang bagi mengawal bahan percetakan dan juga kandungan atau program yang disiarkan melalui televisyen. Di negara kita Malaysia contohnya, sebarang percetakan yang disebarluaskan kepada orang awam memerlukan permit yang sah. Peruntukan undang-undang yang sedia ada seperti Akta Percetakan, Akhbar dan Penerbitan 1984, Akta Penyiaran 1988, Akta Hasutan 1948, Akta Rasmi 1972 membataskan maklumat-maklumat yang boleh dicetak dan diedarkan kepada ahli masyarakat agar tidak berlaku penyalahgunaan media dan sebagainya oleh pihak-pihak tertentu.

Kertas kerja ini juga membincangkan berkenaan dengan definisi jenayah dan apakah jenayah siber yang sering dikaitkan dengan masalah sosial remaja hari ini disamping membincangkan tentang faktor-faktor yang menyebabkan golongan remaja terlibat

dengan jenayah siber serta apakah pendekatan yang sesuai untuk mengurangkan masalah ini.

Tiada jalan singkat bagi menangani masalah jenayah sosial terutamanya di kalangan remaja, melainkan memerlukan pembabitan semua pihak samada badan kerajaan dan bukan kerajaan. Pendekatan psikologi dan pelaksanaan undang-undang juga boleh membantu dalam menangani permasalah ini di samping program dan aktiviti yang telah dilaksanakan seperti mengadakan program Bina Insan, Remaja Sihat Tanpa Aids (Prostar) dan juga penubuhan Yayasan Pencegahan Jenayah. Walau apapun program dan tindakan yang diambil sokongan dan tanggungjawab bersama dikalangan ahli masyarakat amat perlu bagi menangani masalah jenayah sosial ini.

Definisi Jenayah

Jenayah mempunyai pelbagai takrifan. Walaubagaimanapun secara umumnya ia bergantung kepada dua set norma yang berkaitan dengan perundangan dan juga kod norma yang wujud dalam sesuatu budaya (Gan Kong Meng 2007).

Menurut Salleh Abas (1998) dalam Gan Kong Meng (2007) mendefinisikan jenayah ialah kesalahan yang dilakukan oleh seseorang dengan niat hendak melakukan kesalahan itu, maka dengan sebab kesalahan itu orang yang bertanggungjawab boleh dihukum dengan balasan yang setimpal kerana melakukan perkara-perkara yang salah disisi undang-undang.

Jenayah juga dapat ditakrifkan sebagai suatu perbuatan atau sebarang kesalahan yang membahayakan masyarakat dan segala perbuatan atau tindakan itu boleh disabit kesalahannya di sisi undang-undang dan orang yang melakukannya bertanggungjawab menerima hukuman denda atau penjara.

Dengan erti kata lain, jenayah ialah apa-apa yang boleh memberikan masalah atau kesusahan kepada orang lain. Sebagai contoh, semua orang bersetuju bahawa mencuri atau mencederakan orang lain adalah perbuatan jenayah.

Remaja dan Jenayah siber

Jenayah siber pula merupakan jenayah yang melibatkan segala aktiviti jenayah yang biasa dilakukan seperti kecurian, penipuan, peras ugut dan segala aktiviti yang melibatkan perlanggaran undang-undang yang sedia ada dengan menggunakan kemudahan komputer atau dengan lebih tepat lagi, dengan menggunakan internet di ruangan siber. Istilah dunia siber atau '*cyberworld*' pertama kali digunakan oleh William Gibson seorang penulis sains fiksyen dalam bukunya yang bertajuk *Neuromancer*

(1984), yang mana beliau gambarkan sebagai "suatu istilah teknologi dan menggugat perasaan tetapi pada dasarnya tidak bermakna, yang berfungsi sebagai kata laluan untuk semua idea sibernatiknya." Kini, istilah ini menjadi suatu perkataan yang sangat biasa dan digunakan dengan meluas untuk menggambarkan segala sesuatu berkaitan dengan komputer, teknologi maklumat, internet dan pelbagai budaya internet. Secara mudahnya, ia merujuk kepada dunia atas talian, iaitu suatu tempat yang benar-benar wujud, walaupun sebagai media komunikasi berbanding suatu galaksi lain.

Atau dengan kata lain, jenayah siber adalah mana-mana aktiviti yang tidak sah dimana pengetahuan mengenai teknologi siber digunakan untuk merealisasikannya. Walaubagaimanapun, takrifan jenayah siber bergantung kepada takrifan jenayah di sesebuah negara. Sebagai contoh di Malaysia, perjudian, pornografi, pengiklanan seks adalah suatu jenayah tetapi bukan jenayah negara lain.

Masalah keselamatan komputer dan sistem rangkaian mula dikesan sejak awal 1950an, apabila komputer digunakan untuk menyimpan maklumat-maklumat berperingkat sulit. Kerahsiaan adalah aspek yang penting yang perlu ditekankan dalam keselamatan komputer. Ancaman utama yang wujud pada ketika itu adalah dari aktiviti pengintipan (*espionage*) dan pencerobohan peribadi (*invasion of privacy*). Menjelang penghujung 1960an masalah komputer semangkin meningkat ekoran perkongsian maklumat dan sumber komputer secara jauh. Garfinkel dan Spafford (1997) menyatakan bahawa sistem komputer yang digunakan telah dilengkapi dengan sistem pengendalian yang boleh mengelakkan pengguna daripada memasuki rangkaian sistem pihak lain sama ada secara sengaja ataupun tidak sengaja. Pada masa tersebut, sumber komputer dapat dicapai dan disediakan tanpa mengira kedudukan geografi dunia.

Tidak terdapat definisi yang tepat yang boleh menggambarkan jenayah siber. Sesetengah pihak menarikkan "jenayah siber" adalah merujuk kepada "jenayah komputer". Ini berdasarkan keupayaan komputer mampu melaksanakan aktiviti-aktiviti jenayah konvensional seperti penipuan, pencurian, peras ugut, dan pencerobohan yang boleh mendatangkan kesan buruk terhadap harta benda individu atau organisasi. Menurut Donn B. Parker, seorang penyelidik di dalam jenayah komputer dan keselemanan untuk dari SRI International California, jenayah komputer boleh ditakrifkan sebagai sebarang perlakuan yang mempunyai niat dan dikaitkan dengan komputer melalui sebarang cara dan menyebabkan mangsa menderita atau boleh menyebabkan penderitaan, kerugian dan berterusan. Kenyataan ini disokong oleh Jabatan Kehakiman US yang mengatakan bahawa jenayah komputer adalah sebarang aktiviti yang tidak sah menggunakan pengetahuan teknologi komputer sebagai alat untuk merealisasikan.

Sejajar dengan ancaman jenayah siber yang semakin bertambah, pada tahun 1996 kerajaan Malaysia telah memperkenalkan tiga undang-undang baru yang kemudian dikenali sebagai undang siber, iaitu Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Tandatangan Digital 1997, dan Akta Teleperubatan 1997. Dengan penggubalan undang-undang siber

ini, diharap dapat membantu menahan seterusnya mengurangkan masalah terutama aktiviti yang berkaitan dengan jenayah siber terutamanya di Malaysia.

Disebabkan generasi muda masa kini terutama para remaja banyak menghabiskan masa dalam dunia siber, tidak mustahil pelbagai bentuk jenayah yang melibatkan remaja boleh berlaku. Antara jenis jenayah siber yang biasa berlaku yang melibatkan golongan remaja adalah seperti berikut penipuan, kerosakan atau pengubahsuaian ke atas program atau data computer, kecurian maklumat, capaian secara tidak sah ke atas system, menyalin perisian secara tidak sah, pengintipan, judi siber, skim cepat kaya, penggodam atau "hacker", penyebaran virus, pencerobohan, pornografi, pedofilia, gangguan berulang (*harassment*), gangguan seks, ancaman atau fitnah melalui email dan sebagainya.

Umumnya remaja ini memang pintar tetapi mereka kurang matang dalam memahami implikasi daripada aktiviti-aktiviti dalam talian mereka. Akibatnya, ramai remaja yang pintar dalam komputer terjebak dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat seperti jenayah dan juga masalah sosial berkaitan dunia siber. Dalam satu laporan akhbar, seorang remaja perempuan telah membunuh diri apabila beliau dibuli oleh rakan sekelasnya dalam talian. Ramai remaja juga yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti jenayah secara talian, seperti berjudi dalam talian, melawat laman-laman web yang menyiarkan pornografi serta memecah masuk ke rangkaian lain secara tidak sah (*hacking*), melakukan penipuan, mencuri maklumat, mencipta dan menyebarkan virus semata-mata disebabkan perasaan ingin tahu dan mahu mencuba!

Cabaran dan Realiti

Banyak cabaran yang perlu ditempuhi oleh golongan remaja terutamanya isu yang berkaitan dengan gejala sosial yang melibatkan penggunaan siber. Lebih-lebih lagi dengan perkembangan arus semasa, kebanyakan golongan remaja menggunakan siber untuk menjalinkan hubungan sosial seperti menerusi laman web Facebook, Twitter, Friendster dan lain-lain lagi yang menawarkan pelbagai tawaran serta perkhidmatan yang menarik dan menyeronokkan yang sememangnya menarik minat para remaja untuk menyertainya. Sememangnya, tidak dapat dinafikan bahawa laman web sosial sebegin mempunyai banyak kebaikan dan kelebihan seperti dapat berhubung serta membincangkan isu-isu terkini melalui ruangan siber, namun begitu juga keburukannya kerana penggunaannya adalah tanpa kawalan. Laman-laman web sebegini juga menjadi tumpuan para penjenayah yang mahu menjadi remaja sebagai mangsa mereka. Terdapat juga para remaja mungkin tidak menyedari keperluan untuk menjaga maklumat peribadi mereka, ataupun gambar-gambar peribadi mereka daripada jatuh ke tangan pihak yang tidak dikenali dan sekaligus menjadi mangsa penjenayah-penjenayah dunia siber seperti terlibat dalam dunia pornografi, pelacuran, seks bebas, penculikan dan pemerdagangan manusia!

Sikap manusia memang sesuatu yang sukar dikawal. Kita tidak boleh mengubah kelakuan seseorang melainkan orang itu sendiri mengubahnya. Jenayah siber sering dilakukan oleh manusia yang mempunyai kelakuan yang negatif. Mereka menyerang sistem hanya sekadar suka-suka ataupun mencuba ilmu yang baru mereka pelajari. Tidak dinafikan bahawa golongan remaja mempunyai sikap yang sukar diramal. Mereka belum cukup matang untuk berfikir tentang akibat jenayah yang mereka lakukan. Lebih malang lagi, disebabkan kecanggihan teknologi, pihak berkuasa gagal mengenal pasti penceroboh. Misalnya, pada bulan Februari dan Mac 2000, suatu pencerobohan telah berlaku terhadap lebih 500 sistem komputer tentera, kakitangan kerajaan, dan sektor swasta di Amerika Syarikat. Ketika itu Amerika bersiap sedia dengan angkatan tenteranya di Teluk Parsi ekoran ketegangan antara Iraq dengan pemeriksa senjata Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Apabila berlaku pencerobohan sedemikian, pihak berkuasa Amerika Syarikat mengesyaki Iraq, tetapi terbukti bahawa pihak yang bertanggungjawab ialah dua orang juvenil dari Cloverdale, California, dan beberapa orang penduduk Israel.

Soalannya dari mana remaja atau mereka yang gemar menceroboh mempelajari ilmu ini. Mereka ini sebenarnya mahir tentang komputer. Mereka bukan belajar khusus untuk menceroboh tetapi dengan mempelajari ilmu komputer secara tidak langsung. Mereka boleh mencuba untuk menceroboh sistem atau cuba mencipta virus. Oleh itu semakin tinggi teknologi IT berkembang semakin tinggi juga teknologi bagaimana jenayah dilakukan.

Pendekatan

Namun, zaman yang bertukar ganti memperlihatkan kehidupan dan kepentingan seorang remaja dilihat tidak lebih daripada seorang kanak-kanak yang sedang membesar dan masih lagi ‘kecil’ untuk mengerti apa-apa hal pun yang berkaitan dengan pentadbiran sesebuah Negara.

Remaja kini sering sahaja digambarkan sebagai golongan yang mudah terpengaruh dan sentiasa inginkan kebebasan mengikut perasaan mereka sendiri. Mereka berasakan bahawa mereka sudah bijak untuk menilai baik buruk sesuatu perkara itu tanpa sebarang campur tangan daripada pihak ibu bapa waima sesiapa pun. Meneliti keadaan sosial golongan remaja kini, pelbagai aspek perlu diteliti mengenai punca sebenar mengapa dan bagaimana terjadinya gejala negatif yang semakin menggugat imej remaja itu sendiri. Antara faktor yang mendorong ke arah kerosakan ini adalah persekitaran.

Persekutaran mempengaruhi akhlak individu dalam masyarakat dalam erti kata ia menggalakkan perkembangan aspek tertentu namun pada masa yang sama

menghindarkan perkembangan aspek lain. Persekutuan yang mengamalkan pengasingan nilai kerohanian daripada urusan keduniaan dan persekitaran sosial budaya yang bersifat sekular liberal dan materialistik.

Memang tidak dinafikan bahawa peranan media massa termasuklah internet banyak memberikan perkembangan dan maklumat kepada masyarakat terutamanya berkaitan dengan hal ehwal semasa, berita dalam negeri hinggalah kepada berita-berita luar negara. Namun, media massa pada hari ini telah disalahgunakan hingga menyebabkan peranan utamanya sebagai agen pengubah tidak berlaku dengan berkesan sehingga banyak perkara-perkara negatif berlaku.

Internet sememangnya telah mengubah pemikiran setiap golongan manusia di seluruh dunia. Termasuk yang sedang diubah adalah pemikiran para remaja. Golongan remaja yang menggunakan internet sudah tentu tidak terlepas daripada pengaruhnya. Apa yang menyebabkan internet begitu berpengaruh berbanding dengan media yang lain adalah sifatnya yang dapat menembusi sempadan negara. Ia sukar disekat, ditapis dan dihalang tidak seperti media massa lain.

Maka dengan itu, bahan-bahan lucu seperti pornografi dengan begitu mudah memasuki negara yang selama ini dapat menghalang kemasukannya. Kandungan filem atau lagu dari artis luar negara yang berunsur ganas, lucu dan bertentangan dengan moral turut berleluasa dan meninggalkan kesan negatif kepada para remaja dan seterusnya boleh membawa kepada masalah keruntuhan akhlak. Remaja juga mudah terpengaruh dengan budaya hidup artis barat menerusi paparan dalam blog, berita hiburan dan sebagainya. Begitu juga dengan bahan-bahan subversif termasuklah tulisan yang bersifat menentang agama. Ini sangat berbahaya kepada masyarakat. Setakat ini tidak ada negara yang dapat menghalang kemasukan bahan-bahan ini termasuk Malaysia. Selama ini kerajaan dapat membendung kemasukan bahan-bahan yang bersifat subversif tetapi melalui internet, kebebasan bersuara hampir mencapai tahap mutlak.

Melalui bahan-bahan yang diperolehi dari internet, siaran-siaran radio TV dan tayangan video, para remaja terdedah kepada gejala yang tidak sihat seperti unsur-unsur ganas dan luar, budaya barat, budaya dadah, tahayul dan seks bebas. Dengan wujudnya suasana sekeliling yang semakin rosak dan iman yang tipis, para remaja mudah ter dorong untuk mencuba aksi-aksi ganas dan adegan-adegan yang berahi yang telah mereka tonton. Akibatnya mereka mudah terjerumus dengan perhubungan seks bebas, pelacuran, homoseksual, lesbian hingga kepada terjadinya sumbang mahram.

Maka, sewajarnya, semua pihak memainkan peranan penting dalam mengatasi masalah ini. Selain pihak berkuasa, ahli masyarakat turut memainkan peranan dalam memberi maklumat, kesedaran dan juga pengajaran kepada para remaja tentang risiko dan juga bahaya dunia siber. Para ibu bapa, guru dan pihak sekolah harus turut memainkan

peranan penting dalam mengawasi anak-anak mereka atau pelajar mereka yang manjalankan aktiviti dalam talian serta tingkahlaku mereka. Terdapat pelbagai perisian komputer yang berada dalam pasaran boleh digunakan untuk memeriksa dan mengawasi aktiviti-aktiviti yang berpotensi mendarat bahaya kepada para remaja. Ini termasuklah menghadkan akses kepada kandungan berunsur pornografik, serta menghadkan tempoh masa mereka berada dalam talian.

Pendekatan psikologi seperti program bimbingan remaja seperti program motivasi, program kesedaran, program Bina Insan, program Remaja Sihat Tanpa Aids (Prostar) telah diadakan dan dapat membantu para remaja dalam mengatasi masalah jenayah dan gejala sosial. Selain itu dengan penubuhan kelab Pencegahan Jenayah di sekolah di seluruh negara, diharapkan dapat mengurangkan penglibatan para remaja seperti pelajar sekolah dalam kegiatan jenayah seperti gengsterism, buli, judi dan sebagainya.

Kerajaan telah menggubal pelbagai undang-undang untuk melindungi masyarakat terutama ahli muda masyarakat seperti para remaja daripada gejala sosial dan juga jenayah berkaitan dunia siber, seperti Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Tandatangan Digital 1997, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta undang-undang sedia ada yang memperuntukkan kesalahan jenayah biasa serta hukuman baginya seperti Kanun Kesiksaan, undang-undang yang memperuntukkan perlindungan kepada pengguna, Akta Perlindungan Pengguna 1998, Akta Perlindungan Data Peribadi (masih dalam penggubalan), serta Akta Telekomunikasi dan Akta Hakcipta. Dengan penggubalan Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta Pencegahan Pemerdagangan Manusia 2008, dapat memperuntukkan perlindungan yang secukupnya kepada kanak-kanak serta remaja daripada pemerdagangan kanak-kanak, pornografi, lucah, hubungan sumbang, dan eksploitasi seks. Dalam mengatasi lambakan bahan-bahan lucah, bahaya dan tidak bermoral yang terdapat dalam internet, suatu undang-undang yang tegas perlu digubal untuk mengenakan hukuman yang lebih berat kepada pembekal perkhidmatan internet misalnya supaya lebih bertanggungjawab dengan apa yang dipaparkan dalam laman-laman web.

Kesimpulan

Tiada jalan singkat bagi menangani masalah jenayah dan masalah sosial di kalangan remaja, melainkan memerlukan pembabitan semua pihak seperti keluarga, ahli masyarakat, pihak sekolah, pihak berkuasa, dan badan-badan kerajaan serta badan bukan kerajaan. Pendekatan psikologi dan pelaksanaan undang-undang juga boleh membantu dalam menangani permasalah ini di samping program dan aktiviti yang telah dilaksanakan seperti mengadakan program Bina Insan, Remaja Sihat Tanpa Aids (Prostar) dan juga penubuhan kelab Pencegahan Jenayah di sekolah di seluruh negara. Walau apapun program dan tindakan yang diambil, sokongan dan tanggungjawab bersama di kalangan ahli masyarakat amat perlu bagi menangani masalah ini.